

PERPUSTAKAAN

**EXCLUSIVE IN
THIS ISSUE**

 1 *Top 15 UTM Authors
with Highest Impact
Factor 2013*

 1 *Sesi Soul Searching
Bersama Ketua
Pustakawan*
 3 *New Acquisitions*

 5 *Bicara Ilmu Kepentingan
Khazanah Melayu Bersama
Prof. Dr. Tatiana*
 6 *Library Activity*

A PIECE OF GOOD NEWS TO SHARE

TOP 15 UTM AUTHORS WITH HIGHEST IMPACT FACTOR 2013

Congratulations to the top 15 UTM authors with the highest Cumulative Impact Factor (CIF) for the year 2013. CIF is the ratio of the total number of citations received by articles in a journal for the past two years, reported in the Journal Citation Report (JCR) which is published by Thomson Reuters.

No	UTM's Author	Research Alliance	Impact Factor (2012)
1	Ahmad Fauzi Ismail	Materials and Manufacturing	107.555
2	Gholamreza Zaheid	Sustainability	57.529
3	Nor Aishah Saidina Amin	Energy	53.700
4	Azman Hassan	Materials and Manufacturing	40.838
5	Sugeng Triwahyono	Nanotechnology	37.487
6	Aishah Abdul Jalil	Energy	35.660
7	Sib Krishna Ghoshal	Materials and Manufacturing	32.221
8	Zainal Salam	Energy	31.924
9	Mohammed Rafiq Abdul Kadir	Materials and Manufacturing	31.736
10	Md Rahim Sahar	Materials and Manufacturing	30.357
11	Mohd Wazir Mustafa	Energy	29.518
12	Zainuddin Abdul Manan	Sustainability	24.993
13	Ruzairi Abdul Rahim	Infocomm	24.627
14	Mazlan Abdul Wahid	Energy	24.072
15	Sharifah Rafidah Wan Alwi	Sustainability	23.953



Heartiest congratulations to our Vice Chancellor, Prof. Ir. Datuk Dr. Wahid bin Omar, who was conferred the honorary Panglima Jasa Negara (P.J.N.) which carries the title Datuk at an investiture ceremony in conjunction with the birthday of His Majesty Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong on 7th June 2014.

*Heartiest
Congratulations*

ANUGERAH TEKNOLOGI MAKLUMAT : ANUGERAH WEBOMETRIC (KATEGORI BUKAN AKADEMIK)

Tahniah!

Perpustakaan UTM telah sekali lagi berjaya mempertahankan ANUGERAH TEKNOLOGI MAKLUMAT: ANUGERAH WEBOMETRIC (KATEGORI BUKAN AKADEMIK) semasa Majlis Citra Karisma 2014 yang telah diadakan pada 26 Jun 2014 (Khamis).

Terima kasih diucapkan kepada staf Perpustakaan UTM yang telah berjaya menunjukkan prestasi yang cemerlang sehingga kini.



SESI SOUL SEARCHING BERSAMA KETUA PUSTAKAWAN

Pn. Kamariah Nor Mohd Desa, Ketua Pustakawan Perpustakaan UTM telah diberi kesempatan memberi taklimat dalam perjumpaan khas bersama staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional, gred 27 ke atas (semua skim penjawatan) dalam Program Sesi *Soul Searching for Non-Academic Staff* bersama Y. Bhg. Datuk Naib Canselor UTM pada 1 Julai 2014 bertempat di Dewan Sultan Iskandar, UTM Johor Bahru dan *telecast* ke Dewan Utama, Menara Razak, UTM Kuala Lumpur (Video Conference dari UTM Johor).

Dalam taklimatnya, Ketua Pustakawan telah menyentuh mengenai lima perkara pokok yang dibincangkan iaitu inovasi, keusahawanan, global, pelestarian dan jiwa serta pengetahuan. Semoga sesi pembentangan sebegini memberi nilai tambah kepada perkhidmatan perpustakaan kepada masyarakat secara menyeluruh.

Patron
Kamariah Nor Mohd Desa

Editor-In-Chief
Noraziah Sharuddin

Editor
Salina Shamshuri

Editorial Team
Md. Razib Karno, Nik Masriza Nik Zakaria,
Nazrinda A.Samah, Mohd Fuad Mohd
Yusof, Khairulbahiyah Yaakub, Junaidah
Abdullah, Nor Hafiza Daud Kaiyin,
Syahrahah A. Raqi

Circulation
Kartini Ibrahim, Faizal Fadzil

Photography
Wan Jamal Mohd Ariff

Please let us know your views!

Tel 607 5530174
Email salinasham@utm.my

Buletin Perpustakaan is published quarterly by UTM
Library. Copyright © 2014

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh and Greetings

KEPENTINGAN PERPUSTAKAAN HARI INI DAN HARI ESOK

Kepentingan, peranan dan sumbangan perpustakaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sememangnya tidak boleh dipertikaikan. Dalam persekitaran universiti, matlamat dan objektif yang dirangka oleh perpustakaan adalah demi kepentingan ilmu sepanjang hayat.


Hari ini, perpustakaan dilihat sebagai sebuah pusat ilmu yang dinamik kerana bukan sahaja golongan yang dikenali sebagai pustakawan tetapi juga buku (secara bercetak atau maya) dan pengguna terlibat secara tidak langsung dalam pembangunannya. Melihat kepada seni bina perpustakaan masa kini, pasti kita akan terpuakau dengan prasarana dan "ruang" yang sihat di mana idea-idea boleh berkembang, hidup dan juga dilindungi. Senario hari ini juga menyaksikan idea seni bina perpustakaan yang lebih besar, segar dan berciri moden sekaligus meningkatkan motivasi pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan yang secara tidak langsung memberi kenangan indah, membentuk tingkah laku dan platform perkongsian ilmu sejagat atau mengajar masyarakat dan seluruh komuniti. Justeru, Perpustakaan hari esok pula dilihat amat penting kerana ia memberi kesan kepada budaya, ia memberi kesan kepada inovasi dan ia memberi kesan kepada seseorang individu.

Kerana semua ini, perpustakaan hari ini mempunyai tanggungjawab untuk meningkatkan perkhidmatannya sebagai pusat ilmu yang menjadi sumber inspirasi dan kondusif untuk komunikasi yang baik dan interaksi pengajaran. Perpustakaan, dalam erti kata lain menjadi wadah penyebaran ilmu dan idea, serta budaya di sekeliling dan pada masa yang sama juga perpustakaan merupakan lanjutan daripada setiap individu yang mencari pengetahuan – sama ada untuk hiburan, keperluan praktikal, inspirasi atau untuk membantu mereka mengajar orang lain.

QUOTE OF THE DAY

"Time is totally perishable and cannot be stored. Time is totally irreplaceable. There is no substitute for time."

Peter Drucker
The Effective Manager



HAVE YOU UPDATED YOUR EMAIL ADDRESS?

UTM Library may send notifications to users via email for updates on selected services such as inter library loan. Notifications are sent to the email address nominated on your library application form.

There are 2 ways to update your email address, by emailing us at:

psz-enquiry@groups.utm.my

or

drop by the Library
(Circulation Counter)

Our staff will be ready to assist you.

Remember:

Failure to update your email address will result in missing important information!

To avoid fines and penalties you can also check My Account regularly.



HOW TO ACCESS ONLINE DATABASES OFF-CAMPUS?

You can get to almost all our online journals and electronic resources from off-campus!

Just follow these simple steps to get connected.

Go to the Library's page at
<http://ent.library.utm.my>



Click on
"Online Databases – eBooks & eJournals"
link on the left panel.



Login to
EXProxy with your ACID account
Don't know what your ACID account is?
Go to <http://acid.utm.my/checkacid.php>



Done!

However, should you encounter any difficulties, please feel free to contact us at

07-5531137

or

e-mail at psz-enquiry@groups.utm.my

NEW ACQUISITIONS

ADDITIONS TO THE LIBRARY DATABASES, E-JOURNALS AND E-BOOKS

- **BiomedicalSCIENCEnetBASE**

Includes resources in bioinformatics, epidemiology, neuroscience, and more.

- **OCCUP-HEALTHandSAFETYnetBASE**

Featuring topics such as safeguarding the office, preventing accidents on the factory floor, and improving the health and well-being of employees.

- **WATERnetBASE**

Comprehensive multidiscipline resource providing access to reference works on drinking water, ground water, hydrogeology, hydrology, storm water, surface water, waste water, water pollution and wetlands. Also includes the current edition of Water encyclopedia.

- **McGraw-Hill eBook Library**

A state-of-the-art platform delivering unparalleled access to the publishers premium content for institutions around the world.

- **Journal of Hydroinformatics**

A peer-reviewed journal devoted to the application of information technology in the widest sense to problems of the aquatic environment.

- **Journal of Water and Health**

Represents a joint commitment to promote high quality research and practice across the full range of challenges to harnessing water for health in developing and developed countries alike.

- **Palgrave Macmillan Journals**

A data and intelligence tool providing global industry analysis, forecasts and an assessment of company, project and sector developments and trends worldwide.

- **World Scientific Journal**

A compilation of Australian databases providing indexes to journal articles, books, newspaper articles, research reports, theses, manuscripts, conference proceedings, etc.

- **ACI Structural Journal**

Information published includes: structural design and analysis of concrete elements and structures, research related to concrete elements and structures, design and analysis theory, and related ACI standards and committee reports.

- **Nature**

The world's best science and medicine on your desktop.

- **Scitation**

The online home of leading journals and conference proceedings from AIP Publishing and AIP Member Societies.

- **Water Policy**

Publishes analyses, reviews and debates on all policy aspects of water resources.

- **Hydrology Research**

Provides international coverage on all aspects of hydrology in its widest sense.



THOMSON REUTERS

DATASTREAM

Datastream database is available for use on a single computer at these locations (during office hours only):

- Research Support Division (Perpustakaan Sultanah Zanariah Building, UTM Johor Bahru)
- Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM Kuala Lumpur
- Library, Faculty of Geoinformation and Real Estate
- Library, Faculty of Management


Datastream is a global and macroeconomic database covering equities, stock market indices, currencies, company financials & key economic indicators by country & sector.

For more info, log on to:

http://thomsonreuters.com/products_services/financial/financial_products/a-z/datastream/

MORE E-BOOKS AT UTM LIBRARY

Have you noticed that more electronic books are available in the UTM Library Catalogue? In response to requests from faculty and students, the Library added thousands of new eBooks to the Library catalogue and continues to add hundreds of new eBooks each month. With the increased demand for access to eBooks, Library make the addition of eBooks to the catalogue easy and cost effective. New eBooks are added each week as soon as they are available from the publishers. A simple search in our catalog is all it takes to locate these items in our collection.



DID YOU
KNOW



TERMINOLOGY OF IMPACT PUBLICATIONS

- **Impact Factor (IF) Journal**

Impact factor is a measure of the frequency and the average article in a journal that received the citation in a given period.

- **Index**

Terminology compilation compiled and systematically listed to facilitate access to information and documents.

- **Journal Citation Reports**

Journal Citation Reports is annualize publication produced by Thomson Reuters. It is itself the performance report of journal citation data using statistical information. JCR contains information the Journal Impact Factor.

- **Citation (Citations)**

References are listed in a document either journal articles, conference papers, review articles and so on. It shows the source is referred to by an author on the research and writing.

- **Scopus**

A type of database Indexes, Abstracts and citation information Providing coverage of the issue of substantial resources. It also now provides citation data and impact measurement issue.

- **Web of Science (WOS)**

A online database that provides information publications in science, social science and humanities. It provides a link between publications and reference sources.

LET'S
READ &
BORROW
CAMPAIGN!



Let's Read and Borrow is a campaign designed by UTM Library to promote good reading habits among UTM staff. The campaign is being carried out every month in conjunction with the Monthly Engagement with UTM Vice Chancellor. As part of our campaign, we are featuring a book display which covers various topics for your selection. Also, we provide the usual library services at your convenience such as borrowing, returning and renewing your loans, updating membership record, membership registration, and etc.

See you there!

LATEST INFORMATION UTM LIBRARY - PSZJB FICTION COLLECTION HAS MOVED!

The fiction collection is now located near the Bound Journal and Index Collection area (Level 2).

So take the time and chill out in the new space that has bigger reading area, better lighting and windows offering amazing views of the nearby garden. Pick up a novel or a book from our vast fiction collection and enjoy some quiet time with your favourite author.

Happy Reading!

BORROWING FROM OTHER LIBRARIES

The library offers inter library loan service for books, journal articles, conference papers, and other items not held by UTM Library. Requests can be submitted online using the inter library loan form on the Library website.

For online booking,
please log on to:

<http://ent.library.utm.my>

choose LESTARI and click 'ILL'

For Further Information,
please contact:

nurrullhuda@utm.my

BICARA ILMU KEPENTINGAN KHAZANAH MELAYU BERSAMA PROF. DR. TATIANA



Pada 18 Jun 2014, Perpustakaan UTM Kuala Lumpur telah mengadakan satu Program Bicara Ilmu yang bertajuk "Kepentingan Khazanah Persuratan Melayu di Zaman Dahulu dan Kontemporari". Pengisian tajuk telah dikupas dengan baik oleh Prof. Dr. Tatiana Denisova selama dua jam. Program ini yang telah diadakan di Bilik Seminar 2, Perpustakaan UTM KL mendapat maklumbalas yang positif dari hadirin yang hadir.

Sepanjang berlangsungnya program, Prof. Dr. Tatiana telah membuka minda para hadirin dengan mengulas perihai kepentingan khazanah melayu yang semakin pudar mengikut aliran zaman. Kesedaran tentang

kepentingan warisan khazanah melayu yang perlu diambil berat oleh generasi muda tidak boleh diambil ringan. Perpustakaan turut dilihat berperanan sebagai entiti yang menjaga dan memelihara khazanah ini agar tidak luput ditelan zaman. Beliau turut berkongsi banyak kajian dan pembacaan berkaitan khazanah melayu dan memukau para hadirin dengan kupasan dan gaya bahasa yang bersahaja. Kebolehan dan minat Prof untuk bertutur dan mengkaji tentang aspek budaya melayu amat dikagumi walaupun beliau merupakan seorang warga Rusia. Semangat Prof. tersebut perlu dicontohi oleh warga UTM khususnya dan salah satu caranya ialah melalui sesi budaya ilmu seperti ini.



Tahniah!

**STAF PERPUSTAKAAN
TERIMA IJAZAH UTM**

MOHD FUAD BIN MOHAMED YUSOF

Sarjana Teknologi Pendidikan
(Pustakawan S41)

HALIZA BINTI ZAINAL

Sarjana Pengurusan Teknologi Maklumat
(Pustakawan S41)

MOHD FIKRI BIN ISMAIL

Sarjana Muda Pengurusan (Teknologi)
(Penolong Jurutera J29)

MINGGU MESRA MAHASISWA (PROGRAM DIPLOMA) DI PERPUSTAKAAN UTMKL

UTM Kuala Lumpur telah menerima kunjungan daripada pelajar baru bagi program Diploma sesi 2014/2015 pada 4 Jun 2014. Dianggarkan seramai 500 orang pelajar telah menyertai lawatan tersebut yang juga merupakan salah satu daripada aktiviti Minggu Mesra Mahasiswa. Program ini telah mendapat kerjasama daripada krew Minggu Mesra Mahasiswa dan staf Perpustakaan UTM Kuala Lumpur. Para pelajar telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan dibawa melawat ke sekitar perpustakaan. Staf perpustakaan telah memberikan taklimat dan penerangan mengenai perkhidmatan serta kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan. Antara penerangan yang telah diberikan ialah urusan di Kaunter Sirkulasi serta penggunaan Sistem Peminjaman Layan Diri (SPLD).

PERPUSTAKAAN UTM LEPASI AUDIT SIRIM 2014

Bagi memastikan kepatuhan dan keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK), Audit Surveillance oleh SIRIM QAS Perpustakaan UTM bagi tahun 2014 telah dijalankan pada 23 hingga 24 Jun yang lalu. Proses Audit kali ini telah diketuai oleh Encik Mani Maran yang menjalankan audit di Perpustakaan Sultanah Zanariah Kuala Lumpur (PSZKL). Sementara itu Puan Mariam Md. Zin telah mengaudit di Perpustakaan Sultanah Zanariah Johor Bahru (PSZJB).

Hasil daripada audit pengawasan tersebut, terdapat 1 NCR dan 2 OFI yang telah dikeluarkan

oleh pihak SIRIM QAS. Bagi pihak perpustakaan, penemuan ini memberi ruang kepada penambahbaikan perkhidmatan di masa akan datang.

Audit SIRIM kali ini juga menyaksikan warga Perpustakaan terus mengekalkan kualiti kerja yang baik dan berkesan supaya amalan budaya kualiti semasa memberikan perkhidmatan kepada pelanggan sentiasa dipraktikkan. Terima kasih diucapkan kepada semua warga Perpustakaan kerana telah memberikan kerjasama yang baik sepanjang audit dijalankan.



PERPUSTAKAAN UTM RAKAM MEMORI INDAH GRADUAN SEMPENA KONVOKESYEN KE-52 UTM



Perpustakaan UTM melalui Jawatankuasa Penerbitan Khas Temuramah Video telah terlibat secara langsung dalam membuat rakaman Konvokesyen kali ke-52 UTM pada 24 dan 25 Mei yang lalu. Penerbitan selama dua hari ini meliputi rakaman temubual bersama pensyarah-pensyarah kanan UTM, Pelajar Cemerlang Konvokesyen ke-52 bersama ibu-bapa mereka serta kemeriahan bersama peserta gerai di Tapak FESKO 52.

Perpustakaan UTM telah mengambil inisiatif merakamkan keadaan sebenar suasana konvokesyen dalam bentuk video bermula dari Konvokesyen ke-51 yang lepas. Perpustakaan berharap melalui usaha dokumentasi ini dapat memberi nilai tambah bukti kecemerlangan UTM dalam mendepani hari mendatang. Video penuh rakaman ini akan disimpan di sistem online DMS (Document Management System) manakala klip preview akan di muatnaik ke UTMotion. Pasukan ini diterajui oleh Encik Anuar Talib, Timbalan Ketua Pustakawan (Perancangan & Pembangunan), Encik Mohd Fuad Mohd Yusof, Puan Junainah Jukee, Puan Siti Zaleha Samad, Encik Mohd Azmi Jufri, Encik Mohd Salihuddin Bakri, Encik Mohd Fikri Ismail dan Encik Wan Jamal Mohd Ariff. Semoga usaha murni ini akan diteruskan pada masa –masa akan datang.

GOTONG ROYONG 5S DI PERPUSTAKAAN UTMKL

Taklimat 5S telah diadakan pada 21 April 2014 bertempat di Bilik Mesyuarat Perpustakaan UTM KL dan telah dihadiri oleh semua staf Perpustakaan. Pengisian taklimat lebih kepada meningkatkan kesedaran dan pelaksanaan amalan 5S dan penubuhan jawatankuasa bagi Program 5S di Perpustakaan UTM KL. Rentetan taklimat, pada 25 April 2014, satu aktiviti gotong-royong yang melibatkan semua staf Perpustakaan UTM KL telah dilaksanakan. Inisiatif ini dijalankan bagi mengemas ruang di Perpustakaan seperti surau lelaki dan wanita, bilik rehat staf dan pantri. Staf telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan bagi melaksanakan aktiviti gotong-royong ini. Pada masa yang sama, semangat kerja berpasukan dapat diterapkan di kalangan staf. Sesungguhnya aktiviti sebegini dapat menyokong usaha murni perpustakaan untuk memperolehi pengisian 5S.



PUSTAKAWAN UTM HADIRI PERSIDANGAN ANTARABANGSA MANUSKRIP MELAYU 2014



Gambar rujukan dari portal <http://mynewshub.my>



Dalam usaha memberi pendedahan peningkatan profesionalisme profesion kepustakawanan, pustakawan akan dihantar untuk mengikuti latihan berkaitan. Selaras dengan itu, Pn. Khairulbahiyah Yaakub telah menyertai seminar yang dianjurkan bersama oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia bersempena Tahun Melawat Malaysia 2014 ini pada 6-7 Mei 2014 yang lalu bertempat di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur. Dengan tema "Memartabatkan Manuskrip Melayu di Persada Dunia", Persidangan ini menggabungkan kumpulan pakar dalam bidang manuskrip Melayu, tokoh pengkaji manuskrip, penyelidik serta ahli akademik dari dalam dan luar negara seperti Prof. Dr. Jan Van der Putten (Jerman), Dr. Liubov Gorlaeva (Rusia), Prof. Dr. Rattiya Saleh (Thailand), Dr. Farouk Yahya (SOAS, United Kingdom), Y. Bhg. Prof. Datuk Dr. Abdullah Zakaria Ghazali (Universiti Malaya), Dr. Harun Mat Piah, Prof Dr. Ding Choo Ming (UKM) dan lain-lain lagi.

Persidangan ini bertujuan untuk meneruskan kecemerlangan pengkajian manuskrip Melayu dengan membuka ruang perkongsian maklumat serta pelbagai hasil kajian penyelidikan oleh sarjana tempatan dan antarabangsa. Seminar membuka ruang kepada khalayak untuk menghargai manuskrip sebagai manifestasi ilmu dan keserjanaan silam yang sahih. Ia juga mengenengahkan kepelbagaian ilmu yang terakam dalam manuskrip melalui penelitian para pengkaji. Seterusnya ia menjadi produk *knowledge tourism* kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa sebagai pusat kegemilangan kebudayaan Melayu. Antara topik-topik persidangan ialah Ilmu-ilmu dalam Manuskrip Melayu, Pembinaan Koleksi dan Pendokumentasian, Kesenian Manuskrip Melayu, Manuskrip Melayu dan Media Baru serta Manuskrip Melayu dalam Perbandingan.

Persidangan ini secara tidak langsung memberi pendedahan terbaik kepada pustakawan amnya dan perpustakaan UTM khususnya mengenai pengurusan manuskrip.



KOMUNIKASI DUA HALA PERPUSTAKAAN—MPMUTM

Bagi memantapkan usaha meningkatkan penyampaian khidmat kepada pelanggan, Perpustakaan UTM mengambil inisiatif menjemput perwakilan dari Majlis Perwakilan Mahasiswa UTM (MPM UTM) yang diketuai oleh Ketua Jabatan Akademik dan Kepimpinan MPM, Cik Wan Hamiza binti Wan Abdul Hamid bagi menghadiri Sesi Dialog bersama pihak Perpustakaan UTM.

Pertemuan ini telah diadakan pada Ahad, 27 April 2014 di Bilik Tayangan, Perpustakaan UTM (Bangunan PSZJB) dan dipengerusikan oleh Puan Noraziah Sharuddin, Timbalan Ketua Pustakawan (Perkhidmatan). MPM diwakili oleh 12 orang ahli dari pelbagai peringkat manakala Perpustakaan UTM diwakili oleh Timbalan Ketua Pustakawan (Perkhidmatan), Ketua-Ketua Bahagian, Pustakawan dan Pegawai Eksekutif Kanan.

Objektif utama program ini dianjurkan adalah sebagai saluran untuk menyampaikan maklumat terkini mengenai Perpustakaan UTM serta mendapatkan maklumbalas para mahasiswa berhubung masalah yang dihadapi berkaitan perkhidmatan perpustakaan.

Banyak isu yang dibincangkan di dalam sesi dialog yang berlangsung lebih dua jam antaranya pengoperasian Perpustakaan Raja Zarith Sofiah dan UTM Reading Station, keperluan kemudahan whiteboard dan dinding kedap bunyi di Bilik Perbincangan, akses kepada kertas soalan peperiksaan tahun kebelakangan, penyelenggaraan Bilik 24 jam, komputer, soket dan kabel UTP, kerjasama melalui *Friends of Library*, kempen *English Day*, keselamatan dan pelestarian bangunan perpustakaan serta kemudahan wifi.

Interaksi dua hala ini menurut Cik Wan Hamiza telah banyak membantu MPM memahami sistem operasi dan perkhidmatan Perpustakaan UTM secara keseluruhan di samping mendapat penjelasan terus berhubung persoalan dan masalah yang diutarakan oleh para mahasiswa.

Pihak Perpustakaan UTM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kesudian dan komitmen semua wakil MPM yang hadir pada sesi dialog kali ini.



PENUBUHAN UTMRS DI PADANG INDONESIA

Satu program kerjasama antara Perpustakaan UTMKL bersama UTM-CTC KL telah dirancang sempena Program Libatsama Komuniti di Padang, Indonesia. Program ini diusahakan oleh mahasiswa UTM Kuala Lumpur di bawah bimbingan Pejabat HEMA dan Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UTM-CTC). Turut sama berkolaborasi merealisasikan program ini adalah Perpustakaan UTM KL.

Perpustakaan UTMKL telah menyumbang *Reading Station* kepada Sekolah Dasar Batang Palupuh, Padang, Indonesia dengan puluhan koleksi yang sesuai untuk manfaat para guru dan pelajar sekolah tersebut. *Reading Station* tersebut merupakan inisiatif kepada pihak sekolah untuk membudayakan ilmu di kalangan guru dan pelajar. Komuniti penduduk turut mendapat manfaat hasil pelaksanaan *Reading Station* ini.



TAHNIAH KEPADA STAF CEMERLANG 2013

Warga Perpustakaan UTM merakamkan ucapan setinggi tahniah kepada semua Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2013 pada Majlis Citra Karisma 2014 yang diadakan pada 26 Jun 2014. Semoga kesungguhan, komitmen dan mutu kerja yang ditunjukkan akan berterusan demi kemajuan dan kecemerlangan Perpustakaan UTM. Tahniah sekali lagi kepada:

- En. Alias Ahmad
- En. Azami Adam
- Pn. Azlina Benan
- En. Faizal Fadzil
- Pn. Habibah Samsudin
- En. Hasanul Manzar Ismail
- Pn. Haslinda Sabari
- En. Khalid Yusoff
- Pn. Muzaimah Mohd Yunus
- En. Noor Amirul Amin Ahmad
- Pn. Nurul Huda Abdul Wahid
- En. Ramli Haron
- Pn. Siti Anniza Azuan
- En. Hairi Aziz
- Pn. Nik Masniza Zakaria
- Pn. Shaliza Azwan Shaari